

Headline	100,000 pengunjung bakal dapat sejadah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	26	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	Petah Wazzan Iskandar	AdValue	RM 7,285
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,855



# 100,000 pengunjung bakal dapat sejadah

» *Tabung Haji bantu majlis Selawat Perdana*

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Noor Atiqah Sulaiman

✦ Kuala Lumpur

**S**eramai 100,000 pengunjung pertama majlis Selawat Perdana 'Malam Cinta Allah dan Rasul' di Daratan Masjid Putra, Putrajaya, malam ini, berpeluang menerima sejadah sumbangan Lembaga Tabung Haji (TH).

Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata pengagihan sejadah itu akan dilakukan ahli Kelab Putera 1Malaysia bagi membolehkan majlis bertemakan 'Kesatuan, Perpaduan dan Persaudaraan' itu berjalan lancar.

"Kami (TH) sentiasa komited membantu dalam men-

jayakan apa juga kerja dakwah dan perkara berkaitan Islam kerana mahu syiar Islam berkembang dan kukuh di dalam hati orang Islam," katanya.

Beliau bercakap selepas menyerahkan sejadah berkenaan kepada Setiausaha Jawatankuasa Utama Sekretariat Selawat Perdana, Shahrul Nasrun Kamarudin di Ibu Pejabat Tabung Haji di sini, semalam.

Program anjuran bersama Perbadanan Putrajaya (PPj) yang bermula jam 8 malam, menampilkan persembahan nyanyian selawat dan qasidah dipimpin pendakwah Nusantara, Habib Syech Abdul Qodir Assefat dan Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid, yang popular dengan selawat *Ya Hanaha*.

**PM dijangka sertai majlis** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dijadual menyertai majlis itu yang dijangka dihadiri 500,000 pengunjung.

Abdul Azeez berharap semua pihak tanpa mengira latar belakang dan politik menyertai majlis itu bagi menunjukkan rasa kasih dan cinta kepada Allah dan Rasul.

Orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai program itu boleh melayari laman sesawang [www.selawatperdana.com](http://www.selawatperdana.com).

Di **Putrajaya**, Shahrul Nasrun berkata, program itu adalah perhimpunan terbesar yang mengumpulkan umat Islam untuk berselawat bersama.

Headline	100,000 pengunjung bakal dapat sejadah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	26	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	Petah Wazzan Iskandar	AdValue	RM 7,285
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,855



**Abdul Azeez (kiri) menyerahkan sejadah kepada Shahrul Nasrun di Kuala Lumpur; semalam. (FOTO KAMARUL IZZAT RAHIM/BH)**